

Logo Pakatan Harapan berhadapan laluan sukar

SelangorKini.my

Januari 7, 2018

SHAH ALAM, 7 JAN: Tun Dr Mahathir Mohamad meramalkan gabungan itu bakal berdepan kesukaran dalam mendapatkan kelulusan logo Pakatan Harapan untuk digunakan dalam Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU14) nanti.

Pengerusi gabungan empat parti itu berkata, pihaknya bagaimanapun akan meneruskan proses permohonan seperti diminta Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

“Tetapi kalau sehari baru nak beri kelulusan pun akan timbulkan masalah kepada kita.

“Kita tidak mahu rakyat keliru dan tidak kenal parti yang perlu mereka undi (jika lewat diperkenalkan dengan logo baru),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sejeurus selesai Konvensyen Pakatan Harapan, di Ideal Convention Centre, di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau diumumkan sebagai calon Perdana Menteri sekiranya Pakatan Harapan memenangi PRU14 dan membentuk Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, calon Timbalannya ialah Presiden Pakatan Harapan yang juga Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2018/01/logo-pakatan-harapan-berhadapan-laluan-sukar/>